

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG

TARIKH : 18 JUL 2019

SOALAN

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci program-program yang telah dan akan dilaksanakan untuk tujuan pemulihan bagi peserta kumpulan pegganas IS yang kembali ke tanah air dan tindakan susulan yang akan diambil oleh pihak Kementerian, serta kriteria yang digunakan untuk mengukur keberjayaan program-program ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kesemua tahanan yang terbabit dengan kegiatan keganasan ini perlu menjalani program deradikalisasi atau proses pemulihan khusus yang melibatkan kerjasama pelbagai agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri seperti PDRM, Jabatan Penjara Malaysia dan juga Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Program pemulihan dilaksanakan secara sistematik menggunakan Modul Deradikalisasi Bersepadu untuk pegganas yang merangkumi aspek keagamaan, kewarganegaraan, psikologi, kekeluargaan dan nilai-nilai murni.

Bagi memastikan program deradikalisasi yang dijalankan ini sentiasa berkesan dan relevan, modul deradikalisasi sentiasa dikaji dan ditambah

SOALAN: 133

baik dari semasa ke semasa dengan penglibatan pakar-pakar deradikalisasi dalam pelbagai bidang.

Bagi penganas Daesh yang berada di luar negara dan akan kembali ke negara ini, mereka juga mesti menjalani program deradikalisasi atau program pemulihan bagi memastikan mereka ini bebas sepenuhnya daripada ideologi keganasan. Manakala penganas Daesh yang dikenakan perintah sekatan atau dibebaskan, mereka masih berada di bawah pemantauan pihak PDRM selama tempoh yang dirasakan perlu bagi memastikan mereka tidak terlibat kembali dengan aktiviti keganasan.

Buat masa ini, kementerian tidak mempunyai satu kaedah khusus bagi mengukur keberkesanan program pemulihan tersebut kerana ia adalah sesuatu yang subjektif dan bergantung kepada pelbagai faktor termasuklah tahap ideologi dan penerimaan setiap banduan atau orang tahanan terhadap program yang dijalankan ke atas mereka. Walau bagaimanapun, penerimaan banduan atau orang tahanan terhadap program yang dijalankan boleh dilihat melalui aspek-aspek berikut:

- 1) Setiap banduan/orang tahanan akan menghadiri program-program yang dianjurkan dengan sukarela. Mereka boleh memilih untuk tidak hadir sekiranya tidak berminat.
- 2) Banduan mengikuti semua peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh penjara.
- 3) Apabila mereka dibebaskan mereka tidak kembali semula kepada penglibatan lampau. Mengikut statistik, hanya 3 daripada 59 orang banduan SOSMA sahaja yang kembali pada aktiviti lampau setelah dibebaskan.

Di samping program pemulihan yang dijalankan di dalam penjara dan pusat tahanan, Kerajaan juga memberi bantuan dan menjaga kebajikan keluarga banduan atau orang tahanan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL
(LEMBAH PANTAI)**

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan hasil kerja lawatan beliau ke Lubnan pada 4 Jun 2019, khususnya hala tuju penyertaan Angkatan Tentera Malaysia dalam pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu serta sama ada Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan lagi usaha Malaysia mengekalkan keamanan di persada antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Lawatan saya ke Lubnan pada 4 Jun 2019 yang lalu adalah untuk bersama-sama kontinjen MALBATT 850-6 menyambut Hari Raya Aidil Fitri serta memberi semangat kepada pegawai dan anggota yang sedang bertugas sebagai trup pengaman di bawah misi PBB UNIFIL. Di dalam lawatan ini saya berpeluang melihat sendiri kesiapsiagaan MALBATT 850-6 dalam melaksanakan tanggungjawab serta mengenalpasti langkah-langkah yang sesuai bagi mempertingkatkan keupayaan MALBATT untuk misi-misi yang berterusan.

Penglibatan ATM di dalam misi pengaman adalah selaras dengan Dasar Pertahanan Negara (DPN) iaitu menyokong usaha PBB ke arah keamanan sejagat. Malaysia telah mencatatkan kecemerlangan yang dibanggakan melalui penglibatan ATM di dalam misi pengaman PBB semenjak tahun 1960. Malaysia telah terlibat di dalam lebih dari 45 misi pengaman di bawah PBB, *North Atlantic Treaty Organization* (NATO) dan Tim Pemantau di seluruh dunia. Rekod perkhidmatan yang cemerlang di dalam misi pengaman telah memberi keyakinan kepada PBB dan masyarakat antarabangsa terhadap peranan serta keupayaan Malaysia dan ATM dalam menyokong usaha keamanan bersama negara-negara lain.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI
SAMSUDIN [MASJID TANAH]**
TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 135

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan apakah usaha dan langkah yang diambil pihak Kementerian untuk membela nasib pekerja kontrak seperti pekerja pembersihan dan pengawal keselamatan melibatkan bangunan dan kawasan sekolah seluruh negara yang kehilangan kerja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) hanya terlibat dalam pelantikan kontraktor pembersihan dan keselamatan di sekolah dan Institusi Pendidikan. Manakala kontraktor yang dilantik bertanggungjawab dalam urusan pelantikan pekerja kebersihan dan pengawal keselamatan secara kontrak. Walau bagaimanapun kontraktor baru yang dilantik berhak memilih mana-mana pekerja yang difikirkan layak dan mampu melaksanakan tugas yang diberikan.

Dalam membela nasib pekerja kontrak seperti pekerja pembersihan dan pengawal keselamatan, KPM sentiasa mengadakan perbincangan dan kolaborasi bersama Agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Sumber Manusia dan Pertubuhan Bukan Kerajaan dalam mencari penyelesaian yang terbaik dalam menyelesaikan sebarang permasalahan. Pada masa ini Kerajaan mengguna pakai norma baru bagi mengoptimumkan sumber perkhidmatan di samping memberikan penjimatan kepada Kerajaan selaras dengan dasar *zero based budgeting*

Sekian, terima kasih.

RJM 151

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATUK DR. TAN KEE KWONG

TARIKH : 18 JULAI 2019

SOALAN

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan punca-punca utama dan langkah yang diambil untuk mengesan seramai 831 orang kanak-kanak dan remaja yang dilaporkan hilang di seluruh negara sejak tahun 2010 hingga akhir bulan Mei 2019, serta masih belum ditemukan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

PDRM tidak menjalankan kajian bagi mengetahui punca-punca berlakunya kehilangan kanak-kanak ini. Walau bagaimanapun berdasarkan siasatan kes yang dijalankan, antara penyebab ramai kanak-kanak keluar rumah dan hilang adalah kerana ingin mencari kebebasan, terpengaruh dengan rakan dan mengikut kenalan atau kekasih. Malahan, terdapat juga kes yang melibatkan salah faham sesama ahli keluarga dan kurangnya perhatian ibubapa.

Dalam usaha mengurangkan kes kanak-kanak hilang, kempen-kempen kesedaran kepada masyarakat tentang keselamatan kanak-kanak di sekolah-sekolah, Institusi Pengajian Tinggi, Badan Kerajaan dan NGO telah dibuat di dalam program-program yang melibatkan PDRM. Tindakan ini bertujuan untuk memastikan agar masyarakat lebih prihatin tentang jenayah terutama melibatkan kanak-kanak.

SOALAN: 136

PDRM juga dari semasa ke semasa akan terus memperkasakan laman portal kanak-kanak hilang yang dikendalikan oleh PDRM (<https://knk2hilang.rmp.gov.my>) untuk penghebahan kes kanak-kanak hilang. Portal ini bertujuan untuk memudahkan lagi penyaluran maklumat kes kehilangan kepada orang ramai bagi mendapatkan bantuan atau maklumat di dalam usaha menyelamatkan kanak-kanak berkenaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI (KAPIT)

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan setakat hari ini apakah jenis alat atau aset 'defence' yang telah dibeli oleh Malaysia. Nyatakan nilai dalam Ringgit Malaysia yang telah dibelanjakan bagi tujuan pembelian itu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kementerian Pertahanan telah diluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM11.88 bilion khususnya untuk pembelian kelengkapan dan aset pertahanan. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM9.76 bilion telahpun dibelanjakan sehingga Jun 2019 bagi pembelian aset-aset pertahanan darat, udara dan laut yang baru untuk mempertingkatkan aspek kesiagaan negara yang merangkumi perolehan aset bagi mobiliti tentera darat, kenderaan perisai, peralatan komunikasi dan latihan, perolehan kapal ronda dan seumpamanya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU
KAWASAN : TAMBUN
TARIKH : 18 JULAI 2019

SOALAN NO. 138

DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU [TAMBUN] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan selain insentif sedia ada yg ditawarkan oleh MIDA, NCIA dan agensi persekutuan yang berkenaan kepada pelabur-pelabur asing, apakah insentif yang berimpak tinggi yang Kerajaan Persekutuan boleh usulkan untuk meningkatkan FDI ke negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam menghadapi cabaran global yang tidak menentu, Malaysia secara berterusan mengkaji keperluan supaya negara terus menjadi destinasi pilihan utama bagi pelabur-pelabur asing di rantau ini. Kementerian memandang serius akan pentingnya kemasukan dana pelaburan asing yang berkualiti yang mampu meningkatkan ekonomi negara.

NO SOALAN: 138

2. Bagi tujuan itu, Kerajaan menawarkan pelbagai insentif seperti galakan cukai, geran dan pinjaman mudah untuk menggalakkan pelaburan berkualiti di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Pejabat Penyeragaman dan Penyelarasan Insentif yang berpusat di Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) berperanan mengkoordinasi insentif-insentif yang ditawarkan oleh semua Kementerian dan agensi Kerajaan Persekutuan.

3. Kerajaan juga telah memperkenalkan pelbagai insentif baharu bagi menggalakkan pelaburan berkualiti tinggi dalam usaha menarik pelaburan asing dan tempatan di Malaysia. Antaranya adalah:

- i) Peruntukan sebanyak RM50 juta di bawah Bajet 2019 untuk menubuhkan *Co-Investment Fund* bagi pelaburan bersama pihak swasta melalui ekuiti *crowdfunding* dan pembiayaan *peer-to-peer*; dan
- ii) Dana Transformasi Pendigitalan Industri, atau dengan izin, *Industry Digitalisation Transformation Fund (IDTF)* yang memperuntukan sebanyak RM3 bilion yang akan diuruskan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB). Dana ini menawarkan pinjaman dengan subsidi bunga sebanyak 2% setahun kepada syarikat-syarikat yang ingin membiayai sebahagian projek atau kontrak berkaitan teknologi digital.

4. Selain itu, inisiatif-inisiatif baharu juga telah diperkenalkan di bawah Bajet 2019 yang bersandarkan kepada Pelan Tindakan Dasar Industri 4.0 atau *Industry4WRD* untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi utama bagi pelaburan industri berteknologi tinggi. Antara inisiatif-inisiatif tersebut yang diperkenalkan di bawah Bajet 2019 adalah program *Industry4WRD Readiness Assessment* serta pelbagai potongan cukai yang berkaitan dengan pembangunan sumber manusia dan latihan bagi Industri 4.0.

5. Bagi tujuan penyediaan Bajet 2020 pula, Kementerian akan mencadangkan insentif-insentif yang dijangka dapat menyokong sasaran jangka panjang Kerajaan dalam usaha untuk mencapai taraf ekonomi maju. Cadangan-cadangan ini menekankan pengukuhan di dalam aspek-aspek seperti daya saing, aktiviti penyelidikan & pembangunan (R&D), pembangunan modal insan, pertumbuhan struktur ekonomi baharu dan produktiviti.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Kementerian melalui MIDA sedang mengendalikan kajian, dengan izin, '*Productivity-Linked Incentives for Manufacturing Sector in Malaysia*' di bawah *Malaysia Productivity Blueprint* (MPB). Inisiatif di bawah tonggak utama Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) ini adalah bertujuan untuk mengkaji penggunaan pengukuran produktiviti tertentu sebagai kriteria/ syarat dalam pemberian insentif cukai/ geran/ pinjaman mudah bagi sektor perkilangan. Dengan wujudnya pengukuran baru ini, lebih banyak mekanisma insentif akan dibentuk untuk menarik pelaburan yang berkualiti dan berproduktiviti tinggi melalui penggunaan automasi, pengurangan pergantungan pekerja asing dan pembangunan pekerjaan berkemahiran tinggi.

7. Kerajaan juga sedang membangunkan rangka kerja bagi Pelan Induk Perindustrian Baharu atau dengan izin *New Industrial Master Plan*, bagi tempoh 2021-2030. Dalam hal ini, adalah amat penting bagi Kerajaan untuk mengkaji serta menilai pencapaian, isu dan cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan pelan perindustrian sebelumnya iaitu Pelan Induk Perindustrian Ketiga, atau dengan izin, *Third Industrial Master Plan* (IMP3) yang akan tamat pada tahun 2020. Ini membolehkan Kerajaan merangka strategi yang mampan bagi pelan induk perindustrian baharu tersebut termasuklah mengkaji insentif pelaburan sedia ada supaya lebih sesuai dengan peralihan fokus perindustrian di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua,

NO SOALAN: 138

8. Kerajaan sentiasa mengkaji secara komprehensif dan menambah baik dasar-dasar insentif serta memperkukuhkan kemudahan pelaburan agar lebih menarik dan lebih kompetitif serta mampu bersaing khususnya dengan negara-negara lain di rantau ini. Kerajaan juga berusaha memastikan setiap insentif adalah bersasar, berasaskan masa dan relevan seiring dengan kemajuan teknologi dan inovasi bagi memastikan penggunaan sumber yang optimum di negara ini.

9. Namun begitu, Kerajaan ingin menekankan bahawa pemberian insentif bukanlah merupakan, dengan izin, *'primary tools'* untuk menarik pelaburan. Sehubungan ini, dalam usaha berterusan Kerajaan untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi, aspek pemudahcara dan fasilitasi perniagaan dan pelaburan akan diperkemas dan diperkukuhkan di semua peringkat bagi memastikan negara kekal sebagai destinasi pelaburan yang menarik dan berdaya saing. Kerajaan juga akan terus menggunakan pendekatan pengukuhan ekosistem dalam strategi penggalakan pelaburan. Pada tahun 2018, Kementerian ini telah juga memperkenalkan strategi 4S, dengan izin, *search, seek, secure and service*. Saya juga telah mengarahkan agensi di bawah MITI untuk terus menekankan aspek perkhidmatan pasca insentif, dengan izin, *post-incentive service* untuk terus membantu para pelabur di negara ini menjalankan aktiviti mereka. Kesimpulannya, MITI akan terus bekerja keras untuk membawa pelaburan berkualiti ke negara ini.

Sekian, terima kasih.